

(16 Desember 2020) Kosmo, P. 4

Tarik semula lesen premis hiburan ingkar arahan

Oleh NUR HUDA MUSA

PETALING JAYA – Tindakan tegas termasuk menarik semula lesen akan diambil terhadap pemilik pusat hiburan yang ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan tegas kepada pemilik pusat-pusat hiburan yang berdegil beroperasi semasa tempoh pelaksanaan PKP.

"Arahan daripada kerajaan amat jelas iaitu tidak membenarkan kelab malam dan pusat hiburan kembali beroperasi buat masa ini dan masih lagi di dalam senarai terlarang. Namun tangkapan operasi pusat hiburan berlaku hampir setiap hari.

"Pada 12 Disember lalu tangkapan di pusat hiburan mencatatkan angka tertinggi iaitu 292 tangkapan. Oleh itu, saya ingin mengingatkan PBT untuk bertegas menarik semula lesen premis terbabit yang sekali gus akan menghentikan operasi mereka untuk selama-lamanya sekiranya masih berdegil," katanya dalam sidang akhbar Facebook Live semalam.




PEMILIK premis hiburan boleh dikenakan tindakan tegas sekiranya masih berdegil dengan beroperasi semasa PKP. – GAMBAR HIASAN

Katanya, sebanyak 2,947 Task Force oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dijalankan melibatkan 39,415 pemeriksaan pematuan prosedur operasi standard (SOP) di seluruh negara kelmarin.

Dalam pada itu, masih terdapat kekeliruan dari segi penguatkuasaan pemakaian pelitup muka yang hanya diwajibkan apabila berada di tempat awam yang sesak.

"Jika kita bersendirian atau ada penjarakan fizikal, terdapat kelonggaran untuk tidak memakai pelitup muka seperti ketika makan di kedai makan," tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kejadian tular baru-baru ini apabila seorang individu dikompaun ketika sedang berada berseorangan di taman awam yang kosong.



Sementara itu, beliau berkata, semua majikan diseru agar memberi kerjasama kepada Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menjalankan ujian saringan Covid-19 terhadap pekerja-pekerja

asing di premis mereka.

"Sehingga kini hampir 17,000 pekerja telah disaring dan daripada jumlah tersebut seramai 555 didapati positif dan hampir 16,400 yang lain negatif Covid-19," ujarnya.